

Dr. M: Sikap waja untuk bina negara

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak mahu rakyat bersikap negatif, beku dan kaku.

Sebaliknya, Perdana Menteri berharap rakyat akan bersikap 'waja' untuk membina Malaysia yang lebih cemerlang.

Bellau tidak fikir akan lahir negara yang maju, makmur dan damai tanpa perubahan sikap rakyatnya sendiri.

"Negara yang maju, makmur dan damai bukan sahaja terletak pada kerajaan yang kuat, tetapi juga bergantung kepada sikap rakyatnya sendiri."

"Andainya rakyat bersikap negatif, beku dan kaku, maka cita-cita untuk membina negara yang baik dan maju tidak akan tercapai," tegas Perdana Menteri dalam satu temuramah dengan akhbar Merdeka yang terbaru, terbitan Ibu pejabat UMNO Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu, dalam usaha membangunkan negara, kerajaan memerlukan kerjasama dan sokongan penuh setiap rakyat.

Dalam hubungan ini, perpaduan adalah faktor yang penting. Malah, perpaduan menjadi ben-

teng kekuatan negara dalam menghadapi sebarang cabaran.

"Blar kita berlainan pendapat, asalkan jangan berlainan matlamat, biar kita berlainan cara tetapi jangan berlainan cita-cita," ujar bellau.

Perdana Menteri menegaskan, cita-cita Malaysia ialah untuk maju, makmur dan damai serta diredal Allah.

Inilah cita-cita dan harapan Datuk Seri Dr. Mahathir kepada rakyat, membantunya untuk membawa Malaysia ke mercu kejayaan dan disegani oleh seluruh dunia.

Dengan kata lain, Perdana Menteri berkehendakkan mandat baru dari rakyat untuk membentuk kerajaan yang kukuh berlandaskan pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah.

Datuk Seri Dr. Mahathir yakin dengan mandat baru dari rakyat, kerajaan pimpinannya akan dapat menumpukan segala usaha dan dayat tenaga demi memastikan kebangkitan Malaysia sebagai negara industri yang maju dan mampu mengekspor teknologinya ke dunia luar.

Bertolak dari sinilah, kata bellau, kerajaan merasakan begitu bertanggungjawab memajukan bidang perusahaan dan perdagangan yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Menurut Perdana Menteri, yang penting bagi rakyat sekarang ialah menginsafi tanggungjawab masing-masing sebagai warganegara dan sama-sama berganding bahu mengisi kemerdekaan negara yang tercinta.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2648
No. Penerimaan 393/85